

**KESAN PENDEKATAN PENGALAMAN PENGHAYATAN
ISLAM TERHADAP PEMIKIRAN PERINGKAT TINGGI
DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA**

Oleh

ABD. KADIR BIN ARIFIN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2003

Al-Fatihah dan ingatan yang berkekalan untuk:

Allahyarham ayahandaku Haji Arifin Bin Abdullah

Allahyarhamah bondaku Hajjah Yah Bt. Bakar

Allahyarham bapa saudaraku Shaari Abdullah

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allāh S.W.T. yang amat pemurah lagi penyayang serta solawat dan salam ke atas pesuruhNya Muhammad S.A.W. Dengan keizinan, hidayah dan limpah kurniaNya maka kajian ini dapat disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya penyediaan tesis ini telah mengajar penyelidik dengan lebih jelas tentang hidup dan kehidupan, antara ilmu dan khayālan, antara kesabaran dan kecekalan hati setelah menempuh berbagai pengalaman suka duka yang bukan sahaja menguji intelek dan mencabar ketabahan, malah menduga budi dan akal.

Kesempatan ini pengkaji luangkan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana meluluskan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa bagi saya melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah lanjutan. Setinggi sanjungan dan penghargaan penulis ucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang memberi tempat untuk pengkaji melanjutkan pengajian dan memberi kebenaran menggunakan perpustakaan utama universiti.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya sampaikan kepada penyelia utama Profesor Madya Dr. Ishak Ramly yang banyak memberikan dorongan dan bimbingan bagi melaksanakan kajian dari awal hingga akhir dan juga kepada keluarga beliau yang sama-sama membantu dan memberi dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Naib Canselor, Yang Berbahagia Datuk Profesor Dzulkifli bin Abdul Razak, Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Profesor Madya Dr. Aminah Ayob, Timbalan Dekan Penyelidikan, Dr. Abdul Rashid Mohamed, Profesor Madya Dr. Mohd. Daud Hamzah dan kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Dr. Hassan Langgulung, Universiti Islam Antarabangsa, Profesor Dato' Dr. Abdullah Md.Zin Timbalan Rektor KUIM, Ustaz Uthman El-Muhammady memberi pandangan dan nasihat ilmiah bagi melengkapkan lagi kajian ini. Ucapan terima kasih juga pengkaji huluskan kepada Profesor Madya Dr. Mustafa Kasim, Profesor Madya Dr Ismail Jusuh, Dr. Wan Rani, Dr. Abdul Halim yang membantu dalam menyelesaikan masalah statistik. Segala sanjungan sama ada dalam bentuk idea, material dan bahan rujukan amat disanjung tinggi.

Kajian yang dijalankan ini melibatkan pihak sekolah, guru dan pelajar. Tanpa kebenaran, sokongan dan kerjasama daripada mereka, sudah tentu kajian ini tidak dapat dihasilkan. Atas sokongan dan jasa baik untuk melihat perkembangan pendidikan Islam saya dengan penuh sedar dan hormat mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat.

Akhir sekali ucapan terima kasih saya tujukan kepada keluarga tersayang, khususnya isteri yang tercinta, Fauziah Radin Salim, putera dan puteri iaitu Nurulhuda, Nur Adyani, Mohd. Sufiuddin dan Nurul Raihan. Saya menyanjung tinggi segala sokongan dan pengorbanan yang kalian tunjukkan mudah-mudahan pengalaman yang bapa lalui ini akan diteruskan oleh anak-anak yang akan menjadi pewaris keluarga.

Terima kasih

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SINGKATAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii

BAB I PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Penyataan Masalah	6
1.2	Objektif Kajian	10
1.3	Persoalan Kajian	11
1.4	Hipotesis Kajian	12
1.5	Kepentingan Kajian	17
1.6	Batasan Kajian	18
1.7	Definisi Istilah	19
1.7.1	Pendidikan Islam	19
1.7.2	Pendekatan Pengajaran Tradisional	20
1.7.3	Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam	21

1.7.4	Jurusan Persekolahan	21
1.7.5	Jantina	22
1.7.6	Penaakulan Pemikiran Peringkat Tinggi	23
1.8	Kesimpulan	25

BAB II TINJAUAN BACAAN DAN KAJIAN BERKAITAN

2.0	Pendahuluan	26
2.1	Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam	26
2.1.1	Sejarah Awal Pendidikan Islam	26
2.1.2	Pendidikan Islam Sebelum Merdeka	29
2.1.3	Pendidikan Islam Selepas Merdeka	37
2.1.4	Falsafah dan Matlamat Pendidikan Islam	41
2.2	Model dan Teori Pendekatan Pengajaran	44
2.2.1	Dapatan Kajian Mengenai Model Pengajaran Penghayatan	56
2.2.2	Penghayatan PPPI dan PPT dalam Pendidikan Islam	57
2.3	Kejadian Manusia Menurut Islam	64
2.3.1	Model Personaliti dalam Pendidikan Islam	66
2.3.1.1	Dasar Al-Nafs dalam Penghayatan Kognisi	67
2.3.1.2	Dasar Al-Qalb dalam Penghayatan Kognisi	71
2.3.1.3	Dasar Al-Hawā dalam Penghayatan Kognisi	75
2.3.1.4	Dasar Al-Bā'ithah dalam Penghayatan Kognisi	77
2.3.2	Model Kognisi Islam	81
2.3.2.1	Prinsip Asas Pembinaan Kognisi	81

2.3.2.2	Proses Teksonomi Penghayatan Kognisi	83
2.4	Kesimpulan	94

BAB III PEMBINAAN KONSEP DAN PENDEKATAN PENGAJARAN

3.0	Pendahuluan	95
3.1	Kerangka Konsep Kajian	95
3.1.1	Konsep Pemikiran Juzuk Al-fahm	98
3.1.2	Konsep Pemikiran Juzuk Al-istirja'at	101
3.1.3	Konsep Pemikiran Juzuk Al-i'tibār	111
3.1.4	Konsep Pemikiran Juzuk Al-istiqaamah	114
3.1.5	Konsep Al-mantiq	118
3.1.6	Konsep Al-wijdān	119
3.1.7	Kesepaduan Ilmu	121
3.2	Terjemahan Surah Al-Kahfi dan Rekabentuk Dick dan Reiser	128
3.2.1	Terjemahan Surah Al-Kahfi	129
3.2.2	Rekabentuk Pengajaran Dick dan Reiser (1989)	130
3.3	Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam	132
3.3.1	Pengajaran Nabi Khidir	132
3.3.2	Ubahsuai Rekabentuk Pengajaran Dick dan Reiser	139
3.4	Pertimbangan Semasa Merancang PPPI	140
3.5	Peringkat Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam	148
3.6	Kekuatan Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam	152
3.7	Kesimpulan	158

BAB IV KAEDAH PENYELIDIKAN

4.0	Pendahuluan	159
4.1	Prosedur Menjalankan Kajian	159
4.2	Populasi Kajian	162
4.3	Penentuan Jurusan Persekolahan Kajian	163
4.4	Pemilihan Sampel Tingkatan Dua	164
4.5	Pemboleh ubah Kajian	166
4.6	Pengesahan Konsep Kajian	167
4.7	Alat Ukur Kajian	168
4.8	Prosedur Penentuan Kesahan Alat Ukur	168
4.9	Pentadbiran Ujian	172
4.10	Latihan Pengajaran dan Pengendalian Eksperimen	173
4.11	Tajuk-Tajuk Isi Kandungan Pengajaran	177
4.12	Pemantauan Pengajaran	179
4.13	Prosedur Pengumpulan Data Eksperimen	179
4.14	Prosedur Penganalisan Data	180
4.15	Kesimpulan	183

BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	184
5.1	Kebolehpercayaan Alat Ukur	185
5.2	Perbandingan Pencapaian Ujian Pra dan Pasca	186
5.3	Kolerasi antara Juzuk-Juzuk dalam Ujian Pra	187

5.4	Kolerasi antara Juzuk-Juzuk dalam Ujian Pasca	188
5.5	Pengujian Hipotesis Kajian	189
5.5.1	Hipotesis Ho 1: Kesan Pendekatan Pengajaran Terhadap Pencapaian Pemikiran Pelajar	190
5.5.2	Hipotesis Ho 2: Kesan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Pelajar	194
5.5.3	Hipotesis Ho 3: Kesan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Pelajar	200
5.5.4	Hipotesis Ho 4: Kesan Interaksi Dua Hala Pendekatan dengan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Pelajar	204
5.5.5	Hipotesis Ho 5: Kesan Interaksi Dua Hala Pendekatan dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Pelajar	212
5.5.6	Hipotesis Ho 6: Kesan Interaksi Dua Hala Jurusan Persekolahan dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Pelajar.	212
5.5.7	Hipotesis Ho 7: Kesan Interaksi Tiga Hala Pendekatan Pengajaran dengan Jurusan Persekolahan dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Pelajar.	218
5.5.8	Hipotesis Ho 8: Perbezaan Bagi Tiap-Tiap Juzuk Al-fahm, Al-istirjaa'c, Al-i'tibār dan Al-istiqāmah.	218
5.6	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	221
5.7	Kesimpulan	224

BAB VI PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

6.0	Pendahuluan	226
6.1	Rumusan Kajian	226
6.2	Dapatan Kajian	228
6.3	Perbincangan	229

6.3.1	Perbandingan Kesan Pencapaian Pemikiran Tinggi antara PPPI dan PPT	230
6.3.2	Kesan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi	234
6.3.3	Kesan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi	236
6.3.4	Kesan Interaksi Dua Hala antara Pendekatan Pengajaran dengan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi	238
6.3.5	Kesan Interaksi Dua Hala antara Pendekatan Pengajaran dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi	242
6.3.6	Kesan Interaksi Dua Hala antara Jurusan Persekolahan dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi	244
6.3.7	Kesan Interaksi Tiga Hala antara Pendekatan Pengajaran dengan Jurusan Persekolahan dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi	247
6.3.8	Perbezaan Pemikiran Tinggi Juzuk Al-fahm, Al-istirjaa', Al-i'tibār dan Al-istiqāmah	248
6.4	Implikasi Dapatan Kajian	249
6.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	255
6.6	Kesimpulan	257

BIBLIOGRAFI

SENARAI JADUAL

Muka Surat

JADUAL

4.1	Rekabentuk Menjalankan Kajian	160
4.2	Aktiviti Pemikiran Tinggi Melalui PPPI dan PPT	160
4.3	Pendekatan Pengajaran, Jurusan Persekolahan, Jantina dan Ujian	162
4.4	Populasi Pelajar dan Sekolah Kajian	163
4.5	Kumpulan Sampel Kajian Berdasar Sekolah dan Jantina	165
4.6	Pengesahan Pakar Terhadap Senario dan Item	169
4.7	Senario dan Item-Item Penyataan	170
4.8	Item Pemikiran Tinggi	171
4.9	Pelaksanaan Kajian	176
4.10	Pilihan Bidang, Bahagian dan Tajuk Isi Pelajaran	178
5.1	Koefisien Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian Melalui Ujian Rintis dan Ujian Pra	186
5.2	Min dan Sisihan Lazim Ujian Pra, Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	187
5.3	Ujian Pra Matriks Kolerasi Bagi Juzuk Alat Ukur Pemikiran Tinggi	188
5.4	Ujian Pasca Matriks Kolerasi Bagi Juzuk Alat Ukur Pemikiran Tinggi	189
5.5	Ringkasan Keputusan Ujian Multivariate Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Keseluruhan	190
5.6	Ujian MANOVA Menunjukkan Kesan Pendekatan Pengajaran Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Tiap-Tiap Juzuk	191
5.7	Ujian F Univariat Menunjukkan Kesan PPPI dan PPT Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Juzuk Al-fahm, Al-istirjaac, Al-i'tibār dan Al-istiqamah.	191

5.8	Ujian MANOVA Menunjukkan Kesan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Tiap-Tiap Juzuk	195
5.9	Ujian F Univariate Menunjukkan Kesan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Juzuk Al-fahm, Al-istirjaaç, Al-i'tibār dan Al-istiqāmah.	196
5.10	Perbandingan Pairwise antara Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Juzuk Al-i'tibār	197
5.11	Perbandingan Pairwise antara Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Juzuk Al-istiqāmah.	199
5.12	Ujian MANOVA Menunjukkan Kesan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Tiap-Tiap Juzuk	201
5.13	Ujian F Univariate Menunjukkan Kesan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Juzuk Al-fahm, Al-istirjaaç, Al-i'tibār dan Al-istiqāmah	201
5.14	Ujian MANOVA Menunjukkan Kesan Interaksi Dua Hala Pendekatan Pengajaran dengan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Tiap-Tiap Juzuk	205
5.15	Ujian F Univariate Menunjukkan Kesan Interaksi Dua Hala Pendekatan Pengajaran dengan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Juzuk Al-fahm, Al-istirjaaç, Al-i'tibār dan Al-istiqāmah.	206
5.16	Perbandingan Pairwise antara Pendekatan Pengajaran dengan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Juzuk Al-i'tibār	209
5.17	Perbandingan Pairwise antara Pendekatan Pengajaran dengan Jurusan Persekolahan Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Juzuk Al-istiqāmah	210
5.18	Ujian MANOVA Menunjukkan Kesan Interaksi Dua Hala Jurusan Persekolahan dan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Tiap-Tiap Juzuk	213
5.19	Ujian F Univariate Menunjukkan Kesan Interaksi Dua Hala Jurusan Persekolahan dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Bagi Juzuk Al-fahm, Al-istirjaaç, Al-i'tibār dan Al-istiqāmah.	214
5.20	Perbandingan Pairwise antara Jurusan Persekolahan dengan Jantina Terhadap Pencapaian Pemikiran Tinggi Juzuk Al-i'tibār	216
5.21	Ujian ANOVA Repeated Measures Bagi Juzuk Al-fahm, Al-istirjaaç, Al-i'tibār dan Al-istiqāmah.	218

5.22	Ujian F Univariate Sphericity Assumed Menunjukkan Perbezaan Bagi Tiap-Tiap Juzuk Al-fahm, Al-istirjaa'c, Al-i'tibār dan Al-istiqaamah	219
5.23	Perbandingan Pairwise Perbezaan Juzuk Pemikiran Tinggi	220
5.24	Keputusan Pengujian ANOVA Markat Beza Keseluruhan	222
5.25	Keputusan Pengujian MANOVA Markat Beza Juzuk	222
5.26	Keputusan Pengujian Univariate Markat Beza Juzuk	223

SENARAI RAJAH

Muka Surat

RAJAH

2.1	Sistem Pemprosesan Maklumat	53
2.2	Model Personaliti dan Kognisi Islam	80
3.1	Susunan Konsep Kognisi Kajian	98
3.2	Model Pembinaan Pengajaran Efektif Dick dan Reiser (1989)	131
3.3	Ubahsuai Rekabentuk Pengajaran Dick dan Reiser dalam PPPI	140
4.1	Amalan Pelaksanaan PPPI	161

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran A	Peringkat-Peringkat PPPI	277
Lampiran B	Panduan Proses Pengajaran Model PPPI	278
Lampiran C	Persediaan Mengajar Harian	279
Lampiran D	Isi Kandungan Pelajaran Pendidikan Islam	321
Lampiran E	Surat Kebenaran Penyelidikan KPM, JPN dan Jabatan Agama	332
Lampiran F	Kedudukan Item Ujian Pra dan Ujian Pasca	337
Lampiran G	Alat Ukur Kajian	338
Lampiran H	Alpha Cronbachs Ujian Pra dan Ujian Pasca	350
Lampiran I	Borang Pemantauan	352
Lampiran J	Pengesahan Pakar	353
Lampiran K	Data SPSS, Versi 10.0. General Linear Model	355

SINGKATAN

AS	:	Alaihi Salam
BPI	:	Bahagian Pendidikan Islam
BPM	:	Bahagian Pendidikan Moral
FPN	:	Falsafah Pendidikan Negara
JAPIM	:	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JERI	:	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KBKK	:	Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis
KBSM	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	:	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KE	:	Kumpulan Eksperimen
KK	:	Kumpulan Kawalan
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
LJK	:	Laporan Jawatankuasa Kabinet
PAFA	:	Penilaian Asas Fardhu Ain
PAH	:	Pendekatan Amalan-Hayatan
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
PPPI	:	Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam
PPT	:	Pendekatan Pengajaran Tradisional
PT	:	Pemikiran Tinggi
S.A.W	:	Solallahu Alaihi Wasalam
SES	:	Sosio Ekonomi dan Stetus
SMAN	:	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMK	:	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	:	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMKHB	:	Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa
SMKRK	:	Sekolah Menengah Kebangsaan Rancangan Khas
S.W.T	:	Subhanahu Wa Ta'ala
UM	:	Universiti Malaya
UIA	:	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPI	:	Unit Pendidikan Islam

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam [PPPI] berdasarkan surah *al-Kahfi* [60 hingga 82] dan ide-ide yang dirujuk kepada Dick dan Reiser (1989) terhadap penaakulan pemikiran peringkat tinggi di kalangan pelajar Tingkatan Dua. Kajian ini dijalankan secara quasi-eksperimen melalui perbandingan di antara PPPI dengan Pendekatan Pengajaran Tradisional (PPT). Perubahan dalam pencapaian pemikiran peringkat tinggi antara kedua-dua kumpulan dikenal pasti menerusi juzuk-juzuk pemikiran pemahaman (*al-fahm*), renung nilai (*al-istirja'at*), pengajaran (*al-i'tibār*) dan penghayatan (*al-istiqāmah*) dalam pendidikan Islam yang terdiri daripada *al-Qur'ān*, *'Ulum Syar'iah* dan *Akhlak Islamiyah*. Kajian ini melibatkan 400 orang sampel pelajar tingkatan dua di kalangan lelaki dan perempuan yang dipilih secara rawak di lapan buah sekolah di Kedah dan Pulau Pinang. Terdapat 200 orang pelajar dalam Kumpulan Eksperimen dan 200 orang pelajar lagi dalam Kumpulan Kawalan. Data pencapaian keseluruhan dan juzuk-juzuk dianalisis dengan menggunakan pengiraan ANOVA sehalu dan MANOVA tiga hala. Keputusan menunjukkan pencapaian secara keseluruhan Kumpulan Eksperimen adalah signifikan tinggi berbanding dengan Kumpulan Kawalan hasil dari kesan PPPI [$F_{dk(1,382)} = 96.465$, $p < .001$]. Sekolah juga memberi kesan yang signifikan [$F_{dk(3,382)} = 8.239$, $p < .001$]. Terdapat interaksi yang signifikan pendekatan dengan sekolah [$F_{dk(3,382)} = 17.524$, $p < .001$], dan juga sekolah dengan jantina [$F_{dk(3,382)} = 3.394$, $p < .018$]. Analisis pencapaian terhadap juzuk-juzuk pemikiran tinggi pula menunjukkan Kumpulan Eksperimen signifikan tinggi berbanding dengan Kumpulan Kawalan (Wilks' $\gamma_{dk(3,379)} = 0.782$, $p < .001$). Terdapat juga kesan signifikan sekolah (Wilks' $\gamma_{dk(12,1003.03)} = 0.892$, $p < .001$) dan jantina (Wilks' $\gamma_{dk(4,379)}$

=0.975 $p < 0.044$). Di samping itu terdapat kesan interaksi pendekatan dengan sekolah (Wilks' $\gamma_{dk(12,1003.03)} = 0.694$; $p < 0.001$). Secara terperinci terdapat kesan pendekatan menyebelahi PPPI berlaku ke atas *al-fahm* [$F_{dk(1.382)} = 31.03$, $p < .001$], *al-istirja'at* [$F_{dk(1.382)} = 58.97$, $p < .001$], *al-i'tibār* [$F_{dk(1.382)} = 23.15$, $p < .001$] dan *al-istiqāmah* [$F_{dk(1.382)} = 60.43$, $p < .001$]. Terdapat juga kesan sekolah ke atas *al-i'tibār* [$F_{dk(3.382)} = 4.71$, $p < .001$] dan *al-istiqāmah* [$F_{dk(3.382)} = 9.62$, $p < .001$] dan kesan jantina ke atas *al-fahm* [$F_{dk(1.382)} = 6.80$, $p < .001$]. Terdapat interaksi dua hala pendekatan dengan sekolah berlaku ke atas *al-fahm* [$F_{dk(3.382)} = 46.28$, $p < .001$], *al-i'tibār* [$F_{dk(3.382)} = 3.92$, $p < .001$] dan *al-istiqāmah* [$F_{dk(3.382)} = 8.62$, $p < .001$]. Jelaslah di sini bahawa PPPI mempunyai kesan positif terhadap pemikiran tinggi. Justeru itu penyelidikan ini menampilkan bukti untuk menegaskan bahawa PPPI amat sesuai diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pemikiran peringkat tinggi pelajar dalam bilik Darjah KBSM.

The Effects of Islamic Experiential Appreciation Approach on Higher Level Thinking of Form Two Students

Abstract

The purpose of this research is to ascertain the effects of Islamic Experiential Appreciation Approach based on surah *al-Kahfi: 60-82* and the ideas of Dick and Reiser (1989) toward higher level thinking among form two students. This research was conducted as a quasi-experiment comparing PPPI with the traditional teaching (Pendekatan Pengajaran Tradisional or 'PPT') to form a control group. Changes in higher level thinking performance between the two groups were identified through the higher thinking comprehension components (*al-fahm*), reflection (*al-istirjaaʿ*), edification (*al-i'tibār*) and conviction (*al-istiqāmah*) with regards to Islamic religious knowledge of *Al-Qur'ān*, *'Ulum Syar'iah* and *Islamic Moral*. The sample involved 400 male and female form two students randomly chosen from 8 schools in Kedah and Pulau Pinang. There were 200 students in the experimental group and another 200 in the control group. The data was analyzed using a one-way ANOVA and a three-way MANOVA computations. The result shows that the overall performance of the experimental group is significantly higher than the control group due to the effect of PPPI teaching approach [$F_{dk(1,382)} = 96.465$, $p < .001$]. The schools also showed a significant effect on [$F_{dk(3,382)} = 8.239$, $p < .001$]. There is a significant interaction effect of approach and schools [$F_{dk(3,382)} = 17.524$, $p < .001$] and also schools and gender [$F_{dk(3,382)} = 3.394$, $p < .018$]. The results for each thinking component show that the experimental group is significantly higher than the control group (Wilks' $\gamma_{dk(3,379)} = 0.782$, $p < .001$). There is a significant effect of schools

(Wilks' $\gamma_{dk(12,1003.03)}=0.892$, $p<.001$) and gender (Wilks' $\gamma_{dk(4,379)}=0.975$ $p<0.044$).

Besides there is also an approach interaction effect on schools (Wilks' $\gamma_{dk(12,1003.03)}=0.694$; $p<0.001$). Specifically, PPPI has favorable effect on *al-fahm* [$F_{dk(1.382)}=31.03$. $p<.001$], *al-istirjaac* [$F_{dk(1.382)}=58.97$. $p<.001$], *al-i'tibār* [$F_{dk(1.382)}=23.15$. $p<.001$] and *al-istiqāmah* [$F_{dk(1.382)}=60.43$. $p<.001$]. The result also shows that the school has a significant effect on *al-i'tibār* [$F_{dk(3.382)}=4.71$. $p<.001$] and *al-istiqāmah* [$F_{dk(3.382)}=9.62$. $p<.001$] and the effect of gender on *al-fahm* [$F_{dk(1.382)}=6.80$. $p<.001$]. There are two-way interactional effects of approach and schools on *al-fahm* [$F_{dk(3.382)}=46.28$. $p<.001$] *al-i'tibār* [$F_{dk(3.382)}=3.92$. $p<.001$] and *al-istiqāmah* [$F_{dk(3.382)}=8.62$. $p<.001$]. It is obvious that PPPI has a positive effect on higher level reasoning. This research has proven that PPPI is most suitable for application in the teaching and learning of Islamic education and consequently is able to increase the performance of higher reasoning of students in the KBSM.

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Islam mula bertapak di Melaka pada tahun 1414 apabila Parameswara memeluk agama Islam dan menukar nama baginda kepada Megat Iskandar Shah. Baginda mengarahkan pembesar serta rakyatnya mempelajari selok belok Islam daripada ‘alim ‘ulamā’, Dasuki Ahmad (1978:513). Pendidikan Islam secara tidak formal diajar di rumah-rumah guru kerana ketika itu tidak terdapat institusi pondok dan madrāsah. Berikutnya apabila pondok dan madrāsah didirikan, pendidikan Islam menjadi semakin kemas dan tersusun baik dari segi kurikulum, tenaga pengajar dan tempat belajar.

Menurut Awang Had Salleh (1974:110) pelaksanaan pendidikan Islam pada peringkat awal diajar secara pinggiran sahaja. Pengetahuan Islam hanya diajar kepada kanak-kanak Islam pada waktu petang, hari-hari tertentu atau lebih bersifat kurikulum tumpang. Pada masa ini terdapat satu rekabentuk kurikulum dan penggunaan buku teks yang seragam dan kebanyakan buku teks diterbitkan oleh al-Zaniyah di Taiping dan Sinaran Bros, di Pulau Pinang. Pelaksanaan kurikulum dan penggunaan buku teks tertakluk kepada pentadbir dan kemampuan guru yang mengajar. Kedudukan pelajaran pendidikan Islam semakin mendapat tempat apabila sistem kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dilaksanakan. Pendidikan Islam mula diperkenalkan secara formal di sekolah-sekolah kerajaan. Tulisan dan bacaan jawi diwajibkan di peringkat sekolah rendah. Menurut Abdullah Ishak (1981:10) kedudukan dan kepentingan pengajaran pendidikan

Islam semakin dipentingkan apabila mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam telah dimasukkan secara rasmi ke dalam jadual waktu sekolah pada tahun 1962. Perlembagaan Malaysia perkara (3) ceraian (1) meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi negara,

“Ugama Islam ialah ugama bagi persekutuan, tetapi ugama-ugama lain boleh juga diamalkan dengan aman dan damai di mana bahagian dalam persekutuan”

(Federal Constitution 1999:20)

Berdasarkan perkara (3) ceraian (1) satu unit pendidikan Islam perlu ditubuhkan untuk merancang, menggubal kurikulum dan membuat penilaian terhadap pendidikan Islam baik di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah. Matlamat Kurikulum Pengetahuan Agama Islam ialah untuk memberi pengetahuan agama Islam kepada pelajar yang beragama Islam. Berdasarkan pengalaman penulis yang pernah mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah kebangsaan dari tahun 1977-1986 mendapati kandungan sukatan pelajaran banyak bertumpu kepada pengetahuan asas agama Islam yang disalurkan melalui pengajaran ‘Ibadāt, Tawhid, Sejarah Islam dan penghafazan sejumlah ayat-ayat al-Qur’ān dan hadis Rasūlullāh S.A.W. Sebagai lanjutan pelajar-pelajar ini ke mādrasah atau rumah guru untuk belajar mengaji al-Qur’ān setelah habis waktu sekolah. Apabila pelajar-pelajar dapat menguasai ayat-ayat lazim, ibu bapa dikehendaki menyediakan pulut kunyit dengan sepasang pakaian atau sehelai kain dan disedekahkan kepada tok guru.

Proses pengajaran di mādrasah dan rumah guru bercorak satu hala, iaitu guru merupakan orang yang serba tahu dan murid mengikut serta mendengar apa yang diajar oleh guru tanpa bangkangan. Pengajaran lebih berbentuk penyampaian maklumat dan ‘ilm

agama Islam dan tumpuan kepada amalan dan penghayatan pengalaman Islam disisipkan secara tersembunyi dan tidak disedari. Pengajaran dilakukan secara syarahan, latih tubi, hafazan, cerita dan pidato.

Peranan guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah pada peringkat awal hanya untuk menyampaikan pengetahuan asas tentang Islam. Aspek latihan amali kurang diberi tumpuan. [Rujuk Sukatan Pelajaran Pengetahuan Agama Islam Sekolah Rendah dan Menengah Rendah 1962]. Menurut Zawawi Ahmad (1990) keadaan ini mula mengalami perubahan secara menyeluruh pada tahun 1974 apabila satu jawatankuasa mengkaji pelaksanaan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam di dalam sistem pendidikan kebangsaan telah dibentuk untuk mengkaji pelbagai aspek kelemahan dalam pendidikan Islam terutama dari segi guru, kaedah pengajaran, isi kandungan kurikulum pendidikan Islam dan penilaian. Satu kajian menyeluruh telah dijalankan dan hasil dapatan kajian telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Laporan Jawatankuasa Kabinet (LJK), perkara 129 memperakukan dapatan kajian ini dengan menyatakan;

“Mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Ugama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan. Keadaan ini timbul kerana kebanyakan guru-guru agama ini tidak mempunyai kelayakan iktisas yang diperlukan. Di samping itu, mereka juga tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya”.

(LJK.1979:73)

Jawatankuasa Mengkaji Mata Pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan juga mendapati aspek ‘amali kurang diberi perhatian. Hakikat ini ditegaskan dalam Perkara 348:3 yang harus diberi pertimbangan serius oleh Unit Pendidikan Islam.

“Pendidikan Ugama Islam sepertimana yang dijalankan pada masa ini kurang menitikberatkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki. Dengan yang demikian kelemahan ini hendaklah diatasi”.

(LJK 1979:177)

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) menegaskan bahawa aspek amalan dan penghayatan pengalaman Islam kurang diberi pertimbangan di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam. Pengajaran guru lebih tertumpu kepada mengisi pengetahuan sedangkan aspek praktikal atau amali kurang diberi penekanan ketika mengajar. Laporan Jawatankuasa Kabinet juga melaporkan bahawa guru-guru masih menggunakan pengajaran secara kuliah, syarahan, pola interaksi sehalu, hafazan, teks dan buku cerita. Guru kurang menggunakan bahan-bahan rujukan tambahan dan alat bantu mengajar. Sebagai tindakan susulan pada tahun 1986 seramai 350 guru yang mengajar pendidikan Islam telah dipilih untuk mengikuti kursus peningkatan pengajaran pendidikan Islam secara berperingkat-peringkat selama empat minggu dan dua belas minggu anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Kurikulum kursus memberi tumpuan kepada perkaedahan, penyediaan bahan dan alatan pengajaran serta menteluskan pemikiran guru dengan konsep ilmu untuk hidup dan pendidikan Islam bukan sahaja untuk keperluan agama tetapi harus selari dengan tuntutan alam dan kejadian manusia. Implikasi dari soal selidik yang dikemukakan kepada peserta kursus didapati guru-guru lebih yakin mengajar kerana memperolehi lambaran baru dalam pola, gaya dan perancangan pengajaran.

Penyelidikan yang dikemukakan oleh Azman Wan Chik (1987) pula mendapati guru-guru agama kurang diselia dan kurang diberi peluang mengikuti kursus dalam

perkhidmatan. Guru-guru agama ini kurang motivasi kerana terdapat perbezaan gaji antara kategori A19 dan A20. Dari segi struktur sukatan pelajaran juga didapati binaan sukatan pelajaran lebih berorientasikan peperiksaan dan kurang memberi tumpuan kepada pendidikan akhlak. Akibatnya, akhlāq pelajar Islam kian merosot, kemahiran dan pengamatan intelektual kurang tajam. Perkara ini menjadikan pelajar-pelajar Islam goyah dan tidak dapat membuat pertimbangan yang jelas dan tepat apabila bertembung dengan perkembangan semasa. Hal ini dibuktikan melalui kajian Mustapa Kassim dan Ahmad Nurulazam (1994) yang mendapati ramai remaja Islam melepak dan membuang masa di kompleks membeli belah dan di pusat-pusat awam.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Azman Wan Chik melalui interaksi, pemerhatian dan soal selidik yang dikemukakan kepada ahli-ahli kursus pada tahun 1986 mendapati terdapat banyak kelemahan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Beliau mencadangkan supaya langkah segera dan jangka panjang perlu diambil bagi memberi latihan perguruan kepada guru-guru yang tidak terlatih terutamanya dalam masa cuti sekolah, mengadakan pegawai-pegawai yang mencukupi di Unit Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan jawatan Nazir bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan Penyelia Agama di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah. Sebagai tindakan susulan Azman Wan Chik (1987) memperkenalkan Pendekatan Amalan-Hayatan [PAH]. PAH dipadansuai dari Pendekatan Mengalami-Menghayati yang mula diperkenalkan oleh Azman Wan Chik kepada guru-guru sastera pada tahun 1981, [Azman Wan Chik 1981, Saedah Siraj 1982, Noriah Bakar 1986, Ishak Ramly 1987]. PAH merupakan satu pendekatan baru dan mendapat sambutan positif dari guru-guru yang mengajar pendidikan Islam. PAH merupakan satu-satunya

pendekatan pengajaran yang direka secara berstruktur bagi memecah kebuntuan guru-guru pendidikan Islam terhadap pendekatan pengajaran pendidikan Islam. Penerokaan awal Azman melalui pendekatan PAH diteruskan oleh Zawawi Ahmad (1992) dengan memperhalusi PAH yang dikemukakan oleh Azman. Dapatan dan hasil yang dikemukakan oleh Azman Wan Chik dan Zawawi Ahmad (1987) dan (1992) terhadap kemunculan pendekatan yang unggul dalam pendidikan Islam tidak diterus oleh penyelidik dan pendidik Islam lain yang benar-benar dapat menjiwai hasrat dan Falsafah Pendidikan Islam 1987.

Oleh itu, penyelidik cuba menerokai satu pendekatan pengajaran pendidikan Islam yang menjurus kepada penghayatan pemikiran tinggi. Pendekatan ini dikenali sebagai Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam. Pembinaan Pendekatan ini bertujuan untuk menjadikan pengajaran pendidikan Islam lebih sepadu, nyata, praktikal dan dapat mengawal diri pelajar daripada melakukan perbuatan yang boleh memesongkan 'akidah. Tumpuan kajian juga menjurus kepada aspek penghayatan pengalaman melalui insan nafsani dan insan jasmani dengan berorientasikan penaakulan pemikiran tinggi bagi mengsepadukan *al-mantiq* (المنطق) dan *al-wijdān* (الوجدان) dalam bidang *Tilawah Al-Qur'ān* (تلاوة القرآن), *'Ulum Shar'iah* (علوم شرعية) dan *Akhlak Islamiyah* (اخلاق اسلامية).

1.1 Penyataan Masalah

Terdapatnya berbagai masalah dalam pendidikan Islam di seluruh dunia. Masalah-masalah ini harus diatasi oleh cendekiawan dan pendidik Islam secara global dan sepadu. Sebagai tindakan lanjutan empat perbincangan khusus untuk menyelesaikan masalah pendidikan Islam telah diadakan di Makkah pada tahun 1977. Perbincangan ini bertujuan

bagi mendapatkan resolusi tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam dunia pendidikan Islam di seluruh dunia. Berikutnya satu lagi perbincangan mengenai perancangan Kurikulum Pendidikan Islam diadakan di Islamabad, Pakistan pada tahun 1980 dan diikuti dengan perbincangan mengenai penggunaan buku teks yang diadakan di Dakka, Bangladesh pada tahun 1981. Lanjutan daripada ini pada tahun 1982 diadakan satu perbincangan khusus mengenai metodologi pengajaran Pendidikan Islam yang berlangsung Jakarta, Indonesia. Hasil daripada keempat-empat persidangan yang diadakan ini satu rumusan telah dibuat untuk mengemaskinikan lagi kaedah pengajaran pendidikan Islam agar selari dengan perkembangan pendidikan semasa. Syed Ali Asraf (1994).

Hasil persidangan juga merumuskan bahawa terdapat dua pendekatan mengajar yang diamalkan oleh pendidik Islam. Pendekatan pengajaran tradisional merupakan pendekatan yang dominan dan pendekatan pengajaran moden belum sepenuhnya dilaksanakan. Pendekatan pengajaran tradisional sering digunakan ketika mengajar *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* sebagai ilmu wahyu yang tidak boleh bersandarkan kepada hujah ilmu akal. Berbanding dengan pengajaran ilmu akal yang menggunakan pendekatan pengajaran moden lebih memberi tumpuan kepada sains dan kaedah penyelidikan sains moden yang bersifat kritikal, penuh dengan kebarangkalian dan andaian. Walaupun menggunakan kekuatan ilmu akal tetapi harus berteraskan *al-Qur'ān* (القرآن) dan *al-Sunnah* (السنة) sebagai sumber ilmu yang sah untuk mengajar manusia ke jalan yang benar.

Abu Hamid al-Ghazali (1344H) menyatakan kejayaan pengajaran guru bergantung kepada kaedah pengajaran yang digunakan bagi mencapai matlamat dan objektif pengajaran yang dirancang. Kejayaan sesuatu pengajaran ditentukan oleh perkaedahan pengajaran yang digunakan oleh guru. Guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan

Islam masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional yang memberi tumpuan kepada aktiviti menghafaz dan menterjemah. Kedua-dua aktiviti ini masih berada di peringkat pemikiran rendah kerana pelajar kurang diasuh untuk menggunakan sensor pemikiran.

Berdasarkan pengalaman penyelidik mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam didapati pelajar berasa bosan jika terlalu kerap kaedah tradisional digunakan ketika mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Kebosanan ini berlaku kerana pendekatan tradisional kurang menarik dan tidak dapat memotivasikan pelajar sehingga ke peringkat pengajaran apresiasi. Penggunaan sesuatu pendekatan atau kaedah yang kurang tepat akan menimbulkan reaksi kognitif dan emosi yang kurang selesa ketika pelajar mengikuti proses pengajaran di bilik darjah [Guida, Ludlow dan Wilson 1985].

Kurikulum Baru Sekolah Rendah [KBSR] 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah [KBSM] 1988 menjadi tunggak pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Teras FPK memberi tumpuan kepada perkembangan intelek, rūhani, jasmani dan emosi. Kehendak yang terkandung dalam FPK ini sepadan dengan kandungan FPI yang memberi penekanan kepada pembinaan insan kamil dan bertaqwā melalui kematangan fikiran dan emosi. KBSR dan KBSM menyarankan supaya guru menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar kerana menurut Siti Hawa Ahmad (1986), Azizah Abd Rahman (1987) pendekatan pengajaran tradisional tidak dapat mencapai hasrat KBSR dan KBSM kerana kurang memberi perhatian kepada aspek perkembangan pemikiran individu. Ini berlaku kerana guru kerap menggunakan interaksi sehalu dan kurang menggunakan interaksi tiga hala. Zawawi Ahmad (1990) mendapati guru kerap melakukan aktiviti membaca dan menerang isi kandungan melalui buku teks dan kurang mengguna dan menyediakan alat

bantuan mengajar. Pernyataan objektif pengajaran tidak dinyatakan dengan tepat dan jelas kesannya guru sukar mengukur sama ada objektif khas yang dirancang dapat dicapai atau tidak, Zawawi Ahmad (1990), Koh (1982), Lim (1981) dan Ngui (1983).

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pendidikan (1989) dalam kajiannya mendapati guru Pendidikan Islam menjadikan buku teks dan Buku Panduan Khas Agama Islam terbitan Pusat Perkembangan Kurikulum sebagai bahan panduan pengajaran dalam kelas. Kurang daripada 40% guru-guru Pendidikan Islam menyediakan alat bantuan mengajar, memberi latihan amali keibadatan dan amat kurang yang menjalankan program pemulihan. Dapatan juga mendapati lebih daripada 90% guru-guru agama kurang melatih pelajar merujuk buku-buku agama di perpustakaan dan pusat sumber. Guru-guru Pendidikan Islam didapati kurang menggunakan pendekatan pengajaran baru kerana guru-guru ini berasa kurang yakin dan kurang selesa menggunakan pendekatan yang baru dicadangkan walaupun telah terbukti pendekatan tersebut berkesan. Guru pendidikan Islam masih mengekalkan teknik pengajaran secara sehalu dengan menyampaikan isi kandungan dengan murid mendengar dan menyalin apa yang disampaikan oleh guru kesannya hanya 68.23 peratus daripada sampel pelajar yang boleh membaca jawi, 58.34 peratus yang boleh menulis jawi, 75.50 peratus yang boleh membaca *al-Qur'ān* dengan baik dan 49.12 peratus sahaja yang dapat menghafaz sepenuhnya bacaan dalam sembahyang. Peratusan angka yang dipaparkan ini menunjukkan bahawa pelajar boleh menguasai kemahiran berfikir peringkat ingatan dan hafalan dan kurang mampu untuk menganalisis, mensintesis dan menilai isi pelajaran yang dipelajari. Paparan dari dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa apa yang dicadangkan oleh Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam ada benarnya dan usaha-usaha mendapatkan satu pendekatan baru yang sesuai dengan pemikiran pelajar harus diusahakan agar pemikiran

pelajar dapat dianjakkan dari penaakulan pemikiran rendah ke penaakulan pemikiran tinggi.

Pendekatan yang akan diterokai ini dikenali dengan model Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam (PPPI). Melalui PPPI pelajar dilibatkan dengan aktiviti kognitif seperti pengamatan konsep secara abstrak, memproses maklumat melalui pemikiran tinggi juzuk *al-fahm* [pemahaman] (الفهم), *al-istirjaac* [reflektif renung nilai] (الاسترجاع) *al-i'tibār* (الاعتبار) dan *al-istiqāmah* (الاستقامة). Pelajar memproses maklumat semasa mempelajari sesuatu konsep atau peristiwa baru dan proses ini harus menjurus atau bersandarkan kepada kesepaduan *al-mantiq* (المنطق) (logik) dan *al-wijdān* (الوجدان) [intuisi]. Aplikasi pemikiran yang dinyatakan ini dapat dicapai sekiranya guru mahu menggunakan PPPI semasa mengajara mata pelajaran Pendidikan Islam.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan yang dimunculkan melalui penggunaan Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam dan Pendekatan Pengajaran Tradisional terhadap pencapaian pemikiran tinggi pelajar berdasarkan juzuk *al-fahm*, *al-istirjaac* [reflektif], *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah*. Sukatan pelajaran pendidikan Islam Tingkatan Dua yang merangkumi bidang *Tilawah Al-Qur'ān* (تلاوة القرآن), *'Ulum Shar'iah* (علوم شرعية) dan *Akhlak Islamiyah* (اخلاق اسلامية) sebagai panduan pemilihan isi pelajaran. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan-perbezaan pemikiran yang muncul kesan daripada penggunaan Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam dan Pendekatan Pengajaran Tradisional terhadap aliran dan jantina pelajar yang dikaji.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan dalam ceraian 1.2, kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan seperti berikut;

1. Adakah Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam (PPPI) lebih berkesan daripada Pendekatan Pengajaran Tradisional (PPT) dalam meningkatkan pencapaian pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirja'āc*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam.
2. Adakah terdapat perbezaan pencapaian terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirja'āc*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* melalui pengajaran Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam (PPPI) dan Pendekatan Pengajaran Tradisional (PPT) berdasarkan jurusan persekolahan yang diikuti oleh pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam.
3. Adakah terdapat perbezaan pencapaian terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirja'āc*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* melalui Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam (PPPI) dan Pendekatan Pengajaran Tradisional (PPT) berdasarkan jantina di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam.
4. Adakah terdapat perbezaan interaksi antara amalan pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jurusan persekolahan di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam pelajaran Pendidikan Islam terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirja'āc*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah*?

5. Adakah terdapat perbezaan antara interaksi pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirjaaʿ*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam
6. Adakah terdapat perbezaan antara interaksi jurusan persekolahan dengan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirjaaʿ*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam
7. Adakah terdapat perbezaan interaksi pendekatan pengajaran PPPI dan PPT jurusan persekolahan dengan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirjaaʿ*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam
8. Adakah terdapat perbezaan pencapaian fikiran juzuk *al-fahm*, *al-istirjaaʿ*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam yang menerima rawatan melalui PPPI dan PPT.

1.4 Hipotesis Kajian

Ho₍₁₎ Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan antara Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam [PPPI] dan Pendekatan Pengajaran Tradisional [PPT] terhadap pencapaian juzuk pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirjaaʿ*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* secara keseluruhan.

- Ho1.1 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan antara PPPI dan PPT terhadap juzuk pemikiran tinggi *al-fahm*.
- Ho1.2 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan antara PPPI dan PPT terhadap juzuk pemikiran tinggi *al-istirjaac*.
- Ho1.3 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan antara PPPI dan PPT terhadap juzuk pemikiran tinggi *al-i'tibār*.
- Ho1.4 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan antara PPPI dan PPT terhadap juzuk pemikiran tinggi *al-istiqaamah*.
- Ho₍₂₎ Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jurusan persekolahan dan pencapaian pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirjaac*, *al-i'tibār* dan *al-istiqaamah* secara keseluruhan.
- Ho2.1 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*.
- Ho2.2 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istirjaac*.
- Ho2.3 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-i'tibār*.
- Ho2.4 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istiqaamah*.
- Ho₍₃₎ Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jantina terhadap pencapaian pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirjaac*, *al-i'tibār* dan *al-istiqaamah* secara keseluruhan.

Ho3.1 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*.

Ho3.2 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istirjaaʿ*.

Ho3.3 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-i'tibār*.

Ho3.4 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istiqāmah*.

Ho₍₄₎ Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jurusan persekolahan terhadap pencapaian pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirjaaʿ*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* secara keseluruhan.

Ho4.1 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*.

Ho4.2 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istirjaaʿ*.

Ho4.3 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-i'tibār*.

Ho4.4 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istiqāmah*.

Ho₍₅₎ Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina terhadap pencapaian pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirjaac*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* secara keseluruhan.

Ho5.1 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*.

Ho5.2 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istirjaac*.

Ho5.3 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-i'tibār*.

Ho5.4 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istiqāmah*.

Ho₍₆₎ Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala jurusan persekolahan dengan jantina terhadap pencapaian pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirjaac*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* secara keseluruhan.

- Ho6.1 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*.
- Ho6.2 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istirjaaʿ*.
- Ho6.3 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-i'tibār*.
- Ho6.4 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi dua hala jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istiqāmah*.
- Ho₍₇₎ Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi tiga hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jurusan persekolahan dengan jantina terhadap pencapaian pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirjaaʿ*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* secara keseluruhan.
- Ho7.1 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi tiga hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-fahm*.
- Ho7.2 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi tiga hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istirjaaʿ*.
- Ho7.3 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi tiga hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-i'tibār*.

Ho7.4 Tidak terdapat perbezaan kesan yang signifikan interaksi tiga hala pendekatan pengajaran PPPI dan PPT dengan jantina dengan jurusan persekolahan terhadap pemikiran tinggi juzuk *al-istiqāmah*.

Ho₍₈₎ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian fikiran tinggi juzuk *al-fahm*, *al-istirja'āc*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah* di kalangan pelajar Tingkatan 2 dalam Pendidikan Islam yang menerima rawatan melalui PPPI dan PPT.

1.5 Kepentingan Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan semua pelajar Islam mempelajari dan menduduki peperiksaan PMR mulai tahun 1987 [KBSM]. Pelajar dikehendaki menguasai kemahiran membaca, memahami *al-Qur'ān* dan perkara-perkara asas dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Penguasaan kemahiran asas yang ditetapkan dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam 1997 menekankan supaya pelajar Islam mengamal dan menghayati isi kandungan pendidikan Islam dalam kehidupan seharian. Kenyataan ini disokong oleh Abd.Ghani Samsudin (1998:1) yang menyatakan penghayatan pelajar terhadap asas pendidikan Islam semakin penting terutama di zaman perkembangan teknologi maklumat untuk memperkukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allāh. Oleh itu, satu pendekatan pengajaran pendidikan Islam yang lebih afektif dan efisien perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat di atas.

Kajian ini akan memberi faedah kepada guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah melalui kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan kehendak semasa. Guru juga boleh membuat panduan untuk menggunakan pendekatan yang

dicadangkan. Dapatan ini penting kepada 10,000 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam [JAPIM]. Melalui PPPI dijangkakan dapat meninggikan lagi pencapaian penaakulan pemikiran pelajar untuk menguasai isi kandungan pendidikan Islam. Melalui PPPI juga pihak pentadbir dan guru-guru dapat meningkatkan interaksi dua hala yang bermakna di antara guru dengan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah bestari yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 1999.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada kesan Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam (PPPI) dibandingkan dengan Pendekatan Pengajaran Tradisional (PPT) di kalangan pelajar Islam Tingkatan Dua. Skop pengajaran dalam kajian ini mencakupi proses penaakulan pemikiran tinggi yang terdiri daripada juzuk *al-fahm* (الفهم), *al-istirja'āc* (الاسترجاع), *al-i'tibār* (الاعتبار) dan *al-istiqāmah* (الاستقامة). Bagi setiap juzuk pemikiran tinggi akan merentasi unsur *al-shakk* (الشك), *al-wahm* (الوهم), *al-zann* (الظن) dan *al-yaqin* (اليقين) dalam memperolehi 'ilm *al-yaqin* (علم اليقين), 'ayn *al-yaqin* (عين اليقين) dan *haqq al-yaqin* (حق اليقين). Pemerolehan peringkat ilmu ini akan membawa kepada kesepaduan 'ilm *al-mantiq* (علم المنطق) dan *al-wijdān* (الوجدان) supaya pelajar dapat menghayati ilmu sebagai pengalaman dalam kehidupan seharian.

PPPI digunakan bagi melihat kesan kemunculan perbezaan juzuk pemikiran tinggi *al-fahm*, *al-istirja'āc*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāma* dalam mata pelajaran Pendidikan Islam melalui bidang *Tilawah Al-Qur'ān* (تلاوة القرآن), 'Ulum Shar'iah (علوم شرعية) dan *Akhlak Islamiyah* (اخلاق اسلامية). Di samping itu PPPI juga digunakan bagi mengesan maklumat

yang diperolehi pelajar diseliputi oleh unsur *al-shakk* (الشك), *al-wahm* (الوهم), *al-zann* (الظن) dan *al-yaqin* (اليقين) dalam setiap juzuk pemikiran tinggi.

Faktor-faktor lain seperti sosio-ekonomi dan persekitaran tidak diambil kira semasa kajian ini dijalankan. Kajian ini melibatkan 400 orang sampel kajian sahaja yang terletak di lapan buah sekolah yang mengikuti jurusan persekolahan agama yang dikawal oleh kerajaan pusat, jurusan agama kawalan kerajaan negeri dan jurusan persekolahan biasa dan jurusan persekolahan pilihan khas yang terletak di Pulau Pinang dan Kedah. Empat orang guru akan mengajar menggunakan pendekatan PPPI dan empat orang guru juga akan mengajar dengan menggunakan pendekatan PPT.

1.7 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah khusus untuk tujuan kajian ini sahaja. Istilah-istilah yang digunakan ini dioperasikan sebagai;


1.7.1 Pendidikan Islam

Dalam kajian ini pendidikan Islam memberi tumpuan kepada proses pembinaan dan pembentukan seluruh potensi personaliti dan kognisi secara sepadu yang ada pada manusia dengan nilai-nilai ketuhanan [*rabbāni*] (رباني) supaya manusia boleh berfungsi sebagai khalifah dan hamba Allāh yang soleh di atas muka bumi ini. Oleh kerana manusia terdiri daripada *al-nafs*, *al-hawā*, *al-qalb* dan *al-bā'ithah*, maka pendidikan menjadi sasaran untuk dipupuk dan dikembangkan keupayaannya terutama dalam proses penaakulan pemikiran tinggi. Dalam konteks penyelidikan ini pendidikan Islam

merupakan proses mendidik dan melatih aqliyah, rūhaniah dan jasmaniah manusia berdasarkan *al-Qur'ān* (القرآن) dan *al-Sunnah* (السنة) bagi melahirkan manusia yang bertanggungjawab, bertaqwā dan mengabdikan diri kepada Allāh sēmata-mata.

1.7.2 Pendekatan Pengajaran Tradisional

Kamus Dewan 1994:1469 ‘tradisional’ berkaitan dengan, bersifat atau mengikut tradisi. Pengajaran tradisional adalah berbentuk deduktif. Pendekatan pengajaran tradisional yang dapat dikesan dalam pengajaran pendidikan Islam ialah seperti di bawah,



Pendekatan pengajaran tradisional yang diamalkan oleh guru dalam di bilik darjah secara ed-hoc atau berdasarkan buku teks dan buku-buku panduan. Koh Boh Boon (1987) menyatakan guru kerap menggunakan pengajaran tradisional dengan cara guru mengemukakan satu tajuk pengajaran, guru membincangkan isi-isi penting dan pelajar menulis isi-isi itu secara ringkas di dalam buku catatan yang telah ditetapkan. Pengajaran tradisional boleh berlaku melalui kuliah dan ceramah yang tidak melibatkan persediaan ABM, interaksi sehalu dan pola pengajaran tertumpu kepada hafazan.

1.7.3 Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam

Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam (PPPI) merupakan satu proses pengajaran Pendidikan Islam yang dibina berpandukan Falsafah Pendidikan Islam. PPPI dibina berlandaskan surah *al-Kahfi* ayat 60 hingga 82 (lihat muka surat:129) yang terjemahannya memberi penekanan kepada pengajaran unsur-unsur kognisi yang disesuaikan dengan model rekabentuk pengajaran Dick dan Reiser (1989). Dick dan Reiser (1989) membina rekabentuk pengajaran secara berperingkat-peringkat tetapi saling bergabung dan berkelangsungan dalam satu model persembahan pengajaran. Menurut Dick dan Reiser rekabentuk pengajaran bermula daripada tentukan matlamat, diikuti dengan pernyataan objektif pengajaran, membina ujian berdasarkan kepada sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 2 dengan merujuk buku teks yang disediakan oleh Bahagian Buku Teks bagi menentukan aras pencapaian pelajar. Berikutnya guru akan menjalankan pengajaran dengan memilih media pengajaran yang sesuai berdasarkan analisis ciri-ciri pelajar. Setelah selesai pengajaran Pendidikan Islam dijalankan guru akan melakukan refleksi dengan mengkaji semula keberkesanan pengajaran bagi membolehkan guru melakukan pembaikpulihan pengajaran.

1.7.4 Jurusan Persekolahan

Jurusan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada empat jenis persekolahan yang berbeza dari segi pengambilan status pelajar iaitu;

- i) **Sekolah Menengah Kebangsaan Agama** - Merupakan jurusan pengajian yang dikawal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pelajar memberi tumpuan

kepada pendidikan Islam beserta dengan pendidikan kebangsaan. Kemasukan pelajar melalui pemilihan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri berdasarkan pencapaian pelajar dalam penilaian UPSR, boleh membaca *al-Qur'an* dan menulis tulisan jawi dengan baik.

- ii) **Sekolah Menengah Kebangsaan Rancangan Khas** – Merupakan jurusan pengajian Pendidikan Islam Kebangsaan. Kemasukan pelajarinya berdasarkan pemilihan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri berdasarkan keputusan penilaian UPSR. Pelajar rancangan khas ini pencapaian hampir sama.
- iii) **Sekolah Menengah Harian Biasa** - Merupakan jurusan pengajian Pendidikan Islam Kebangsaan juga. Kemasukan pelajar ditentukan oleh Pejabat Pendidikan Daerah iaitu bagi semua pelajar yang tamat darjah enam di sekolah rendah kebangsaan. Pelajar harian biasa ini pencapaian tidak sama.
- iv) **Sekolah Menengah Agama Negeri**– Merupakan jurusan pengajian Pendidikan Islam Kebangsaan dan dicampur dengan kurikulum sekolah yang tersendiri. Sekolah ini didirikan oleh masyarakat setempat dengan perbelanjaan pentadbiran ditanggung oleh pihak Lembaga Pengurus dan mendapat bantuan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Kemasukan pelajarinya tanpa melalui sebarang ujian kelayakan.

1.7.5 Jantina

Jantina dalam kajian ini adalah merujuk kepada pelajar lelaki dan perempuan yang

beragama Islam dan berumur 14 tahun. Pelajar-pelajar yang berada dalam kelas yang berasingan dicantum menjadi satu kelas berjumlah 40 orang yang terdiri daripada 20 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Pelajar-pelajar ini kekal berada dalam kelas Pendidikan Islam yang sama semasa kajian dijalankan.

1.7.6 Penaakulan Pemikiran Peringkat Tinggi

Penaakulan pemikiran peringkat tinggi dalam penyelidikan ini boleh dikesan secara keseluruhan dan secara berjuzuk. Juzuk diertikan dengan bahagian yang kecil yang datang secara tidak tersusun atau kronologi atau urutan.

- i) **Pemikiran Tinggi Keseluruhan (الكل);** - Merujuk kepada pencapaian keseluruhan markat beza pencapaian pelajar setelah ditolak ujian pasca dengan ujian pra. Markat beza keseluruhan merangkumi jumlah markat beza juzuk *al-fahm*, *al-istirja'at*, *al-i'tibār* dan *al-istiqāmah*.
- ii) **Pemikiran Juzuk Al-fahm (Pemahaman) (الفهم)**— Pemikiran ini merujuk kepada proses berfikir antara faham dengan tidak faham yang dikatakan *al-shakk*, *al-wahm* dan *al-zann* di atas sesuatu perkara. Selepas *al-shakk*, *al-wahm* dan *al-zann* pemikir mula keyakinan iaitu tahu mana-mana butir yang dibaca, dilihat, didengar dan lintasan hati secara permukaan dan dapat menghurai apa yang *difahm* dengan sepenuhnya bersifat logikal dalam bentuk semantik. Proses pemikiran ini berdasar surah al-Anbiyaa' 21:79 yang akan dipadansuai dengan pelajar Tingkatan Dua.

iii) **Pemikiran Juzuk Al-istirjaac [Reflektif atau Renung Nilai] (الاسترجاع) -**

Pemikiran ini merujuk kepada proses berfikir yang cuba memahami makna sebenar sesuatu situasi serta membuat penelitian mendalam sebelum membuat keputusan. *Al-istirjaac* [keruhanian Islam] bermakna mengungkap *tamthilan*, *'ibarāh* atau perbandingan yang boleh dirujuk kepada mana-mana butir dalil yang dibaca, dilihat, didengar dan lintasan hati bersifat logikal dan intuitif. Dalam kajian ini juga *al-istirjaac* disamakan dengan refleksi, makna tilik dan renung nilai yang berdasar surah Saba 34:46.

iv) **Pemikiran Juzuk Al-i'tibār (الاعتبار) – I'tibār menurut Kamus Dewan (1994:481)**

ialah, pengajaran yang diperolehi melalui latihan, petunjuk, nasihat, didikan, asuhan, bimbingan, doktrin, fatwā, pedoman, panduan, teladan, teguran, peringatan dan pengalaman. *Al-i'tibār* boleh dirujuk kepada mana-mana butir dalil yang dibaca, dilihat, didengar dan lintasan hati dengan bersifat logikal dan intuitif. Dalam kajian ini *i'tibār* merujuk kepada satu cara kognitif yang membezakan individu dalam tabiat memproses maklumat yang berkaitan dengan pengamatan, pemikiran, serta penyelesaian masalah pembelajaran. *Al-i'tibār* menentukan hukum sesuatu peristiwa yang berlaku di dalam pengajaran berdasarkan atas sebab-musabab. setelah melalui proses reflektif yang dijelaskan melalui surah al-Hasyr 59:2, surah an-Nūr 24: 44, ali-'Imran 3:13 dan surah an-Nahl 16:66.

v) **Pemikiran Juzuk Al-istiḳāmah (الاستقامة) –** Pemikiran ini merujuk kepada proses berfikir yang menekankan aplikasi praktikal pemikiran dan menampilkan pegangan kepada prinsip, idea dan hukum yang boleh dirujuk kepada mana-mana